

Projek jagung jimat RM3.2b

Kuala Terengganu: Kerajaan dijangka dapat mengurangkan kebergantungan dan melakukan penjimatan sehingga RM3.2 bilion setahun bagi import jagung makanan ternakan apabila Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) memulakan projek tanaman berkenaan di seluruh negara, tahun ini.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk projek berkenaan yang dijangka menjana hasil sehingga RM51.2 juta setahun.

“Selama ini Malaysia banyak bergantung kepada import bagi produk jagung bijian yang perlu diproses sebagai makanan haiwan ternakan dengan nilai import melebihi RM3.2 bilion setahun.

“Projek ini bakal mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan peluang sampingan yang boleh dibentuk oleh koperasi menerusi projek hiliran seperti pembekalan benih tempatan, menguruskan pusat pengumpulan secara kom-



ABDUL Fattah (tengah) beramah mesra dengan perwakilan.

prehensif dan khidmat sokongan teknikal,” katanya selepas merasmikan Persidangan ANGKASA Terengganu di sini, semalam.

Beliau berkata, ketika ini pihaknya mengenal pasti tanah seluas 4,000 hektar di seluruh negara untuk pelaksanaan projek itu yang dijangka menelan kos keseluruhan RM28 juta.

Katanya, projek tanaman jagung makanan ternakan itu bukan saja memanfaatkan hampir 2,000 koperasi di seluruh negara, tetapi membantu kerajaan mengurangkan kos import membawa masuk bahan makanan haiwan itu.

“Antara lokasi dan tanah

yang sesuai di Terengganu, Pahang dan Kedah untuk melaksanakan projek berkenaan dan sehingga kini 13 koperasi di seluruh negara menyatakan persetujuan dengan kawasan seluas 1,400 hektar.

“Kami sudah berbincang dengan kementerian dan dijangka menyerahkan senarai penuh koperasi berpotensi dan berkeelayakan yang akan terbabit dalam projek ini pada Mei depan.

“Koperasi yang terbabit dalam projek ini akan mengusahakan tanah berkeluasan 10 hingga 20 hektar secara berkelompok untuk tanaman jagung makanan ternakan ini,” katanya.